



## PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Bilangan 1 Tahun 2020

### PEKELILING PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGWUJUDAN PEKERJAAN (JOB CREATION) UNTUK WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan Program Pengwujudan Pekerjaan (Job Creation) untuk para pelajar UiTM yang dilaksanakan oleh Fakulti dan Kampus.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-174 pada 24 Jun 2020 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas pada 28 Julai 2020 telah mengambil maklum akan pelaksanaan Program Pengwujudan Pekerjaan (Job Creation) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif (MEU) bilangan 35/2020 pada 28 Oktober 2020 telah meluluskan pelaksanaan Program Pengwujudan Pekerjaan (Job Creation).

2.2 *Job Creation* adalah merupakan satu program yang diwujudkan oleh universiti melalui Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) sebagai satu pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan cabaran kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pasca Covid-19 berikutan dengan pengisytiharan pandemik Covid-19 pada Mac 2020 serta Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikenakan di seluruh Malaysia serta perintah kawalan yang dikenakan oleh negara-negara lain di seluruh dunia bagi mengekang penyebaran pandemik Covid-19. Keadaan ini telah memberi impak yang amat tinggi terhadap ekonomi dan seterusnya mengakibatkan kesan yang tinggi terhadap pasaran tenaga kerja dan pengambilan sumber manusia disebabkan oleh keadaan ekonomi yang terjejas teruk.

- 2.3 Universiti melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan para graduan UiTM dapat menghadapi keadaan ini sehingga ekonomi kembali pulih. Melalui program *Job Creation*, graduan baharu berpeluang mendapat pendedahan *on-the-job training* semasa tempoh penempatan mereka di dalam inisiatif *Job Creation* dan ini dapat memberi nilai tambah ke arah kebolehpasaran mereka dan lebih bersedia untuk melangkah ke industri apabila ekonomi kembali pulih. Matlamat program *Job Creation* adalah bagi memenuhi keperluan kompetensi dari segi akademik dan profesional di industri *high-end*. Pada masa yang sama, bakal tenaga kerja akan mendapat manfaat pembelajaran di dalam persekitaran alam pekerjaan.
- 2.4 Program *Job Creation* ini terbahagi kepada dua kategori iaitu *Internal Graduate Employability Program* (iGEP) di mana pihak universiti menawarkan program untuk graduan mendapatkan pengalaman bekerja di dalam ekosistem dalaman. Kategori kedua adalah *External Graduate Employability Program* (eGEP) di mana konsep penawaran penempatan dan pengalaman kerja kepada graduan ini berbentuk 'matching grants' di mana pihak universiti akan menyediakan peruntukan elaun sebanyak RM500.00 dan pihak syarikat akan menyediakan peruntukan elaun RM500.00 atau lebih untuk tempoh enam (6) bulan.

### **3.0 PELAKSANAAN PROGRAM *JOB CREATION***

- 3.1 Dalam jangkamasa pelaksanaan modul *Job Creation*, graduan baharu berpeluang mendapat pendedahan *on-the-job training* melalui pendedahan semasa penempatan pekerjaan di fakulti-fakulti dan kampus-kampus UiTM. Proses pelaksanaan program *Job Creation* adalah seperti berikut:-
- a) Permohonan
  - b) Penilaian
  - c) Penempatan Graduan berdasarkan Keperluan

### **4.0 PENYERTAAN GRADUAN BAHARU DALAM PROGRAM *JOB CREATION***

- 4.1 Syarat-syarat asas tawaran penyertaan Program *Job Creation*:
- 4.1.1 Calon adalah warganegara Malaysia.
  - 4.1.2 Calon merupakan **GRADUAN UiTM** sahaja dan telah bergraduasi tidak melebihi tempoh DUA (2) tahun.
  - 4.1.3 Calon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.

- 4.1.4 Calon ditentukan penempatan berdasarkan keperluan universiti.
- 4.1.5 Calon mempunyai kemahiran generik kebolehpasaran pelajar.
- 4.1.6 Semua permohonan hendaklah melalui Sekretariat *Job Creation*, Pejabat ICAN.

#### 4.2 Kriteria Pemilihan

Berdasarkan kepada syarat-syarat di atas, pihak fakulti dan kampus yang menyertai iGEP dan pihak industri yang menyertai eGEP akan membuat pemilihan dan pelajar yang terpilih akan dipanggil untuk temuduga dan seterusnya ditempatkan di dalam program *Job Creation* ini.

### 5.0 BIDANG KEUTAMAAN PROGRAM *JOB CREATION*

- Digital
- Pertanian / Agro
- Pengurusan Fasiliti / Facilities Management
- Pembantu Penyelidik / Research Assistant
- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)
- Pembantu Pensyarah / Teaching Assistant
- Makanan & Minuman / Food & Beverage
- Perkhidmatan Perniagaan:
  - Khidmat Pelanggan / Customer Service
  - Pemasaran / Marketing
  - Penjualan / Sales
- Perkhidmatan Kesihatan Swasta / Health & Wellness
- Seni Lukis & Seni Reka / Art & Design
- Pengurusan Projek/ Project Management

\*Termasuklah bidang-bidang yang dikenalpasti sebagai keperluan kritikal semasa.

### 6.0 PERUNTUKAN DAN PEMBIAYAAN PROGRAM *JOB CREATION*

- 6.1 Peruntukan dan pembiayaan *Job Creation* untuk tujuan pembayaran elaun graduan baharu serta insentif-insentif lain adalah melalui suntikan dana dalaman daripada universiti yang akan disalurkan berdasarkan kelulusan yang telah diberi di peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

- 6.2 Sekretariat *Job Creation* akan memastikan kelancaran perjalanan *Job Creation* dan penggunaan dana dibuat secara teratur bermula dengan permohonan, penilaian serta pengesahan penempatan pelajar sehingga kepada penyediaan laporan berkala ke pihak Sekretariat *Job Creation*, Pejabat ICAN.
- 6.3 Setiap graduan baharu di bawah iGEP akan diberi elaun bulanan. Mereka akan dibayar elaun sebanyak RM1000 sebulan dan akan mengikut kadar prorata sekiranya bekerja lebih atau kurang dari sebulan.
- 6.4 Manakala graduan baharu dibawah eGEP akan diberi elaun sebanyak RM500 sebulan oleh universiti dan pihak industri akan memberi elaun sebanyak RM500 atau lebih (tertakluk pada persetujuan industri dibawah persetujuan 'matching grant') dan akan mengikut kadar prorata sekiranya bekerja lebih atau kurang dari sebulan.

## **7.0 PERMOHONAN**

Setiap permohonan dimajukan kepada:

Pejabat Timbalan Naib Canselor ICAN  
Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni  
Aras 5, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
UiTM, SHAH ALAM  
03 – 55442831 / 03-55443322

## **8.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling dikeluarkan pada 9 November 2020.

## **9.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 9 November 2020.

## 10.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.



**PROFESOR DATO' DR RAHMAT MOHAMAD**  
Timbalan Naib Canselor

*Salinan Kepada :*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit  
Semua Staf UiTM  
Semua Warga UiTM*